

13/01/2004

Petunjuk ada pada setiap masalah

Azimi Daim

HUJUNG minggu lalu, kami menyertai generasi muda bermotosikal. Memang riuh rendah dibuatnya apabila ramai yang ikut serta. Bunyi nyaring dan lantang menggegarkan gegendang telinga. Bagi mereka, itulah keseronokan atau 'happening' kehidupan harian.

Demikian juga anak muda yang memiliki kereta, mereka memilih bunyi menggetarkan dada yang keluar daripada ekzos besar. Tambahan pula hujung minggu selepas penat bekerja dari Isnin hingga Sabtu. Bagi golongan dewasa, memang ramai yang merungut kerana tidak dapat menyelami hati orang muda ini.

Walaupun golongan dewasa yang dulunya meminati skuter dengan ekzos ketuk berbunyi nyaring, mereka turut merungut dan menganggap motosikal anak muda kini mencemar bunyi atau ketenteraman minda.

Menurut pakar psikologi, sikap kebanggaan orang yang menayangkan kekuatan ekzos, kelajuan, kekuatan pecutan dan kecekapan menunggang motosikal atau memandu kereta mahupun kehebatan berpakaian adalah sifat semula jadi manusia menurut minat, kecenderungan dan benda yang dimiliki mereka.

Jelasnya, mereka mahu menunjukkan kejantanan atau kehebatan diri. Zaman dulu ada suku kaum yang bercawat memakai sarung kemaluan. Lelaki yang mahu kelihatan hebat akan menggunakan sarung yang panjang, walaupun lebih daripada keperluannya. Di negara berkenaan, kini sarung ini menjadi cenderamata pelancong di kedai kraftangan saja. Ada juga yang menjadi barang pameran di muzium budaya.

Secara psikologi, bagi wanita rendah yang mahu menunjukkan bentuk tubuh seksi, mereka akan memakai skirt singkat atau seluar berpotongan tirus dengan baju singkat. Dengan cara itu kaki kelihatan panjang dan badan nampak langsing. Keadaan hampir sama berlaku apabila gadis sekarang berlumba-lumba mendedah perut dan pusat.

Bagi binatang seperti yang sering dipamer di televisyen, haiwan jantan yang paling kuat dan memenangi pertarungan akan menguasai, memiliki dan mengetuai kumpulannya.

Oleh itu, pakar psikologi merumuskan bukanlah hingar bingar motosikal dan kereta itu menjadi keseronokan mereka, tetapi jiwa dan minda di bawah sedar mereka terisi dengan penonjolan nilai kejantanan atau seksi masing-masing.

Indahnya di Malaysia, biar setua mana usia menteri dan pemimpin negara ini, biasanya minat dan kegilaan anak muda sentiasa difahami. Biarpun tidak sejiwa, anak muda boleh didekati dan dibimbing dari semasa ke semasa. Sebab itu, di Malaysia baik golongan punk, metal atau hippies yang tenggelam timbul trendnya sejak 1960-an, mengakhiri kehidupan mereka dengan cara hidup yang lebih bermakna. Masalah sosial ditangani ahli politik dan pentadbir secara perlahan-lahan dan mencapai matlamatnya.

Ibarat kata orang dulu, akhirnya mereka menjadi 'orang' dan harapan orang tua terhadap kehidupan mereka tercapai.

Sebahagian besar daripadanya berumahtangga, membesarkan anak (ada yang kini bercucu) dan membentuk keluarga bahagia. Cita-cita terhadap zuriat sendiri tetap sama untuk memastikan mereka berjaya dalam hidup dan kerjaya. Pelajaran tidak diabaikan.

Kerunsingan pelbagai pihak terhadap kerenah remaja biasanya melahirkan pelbagai formula dan pendekatan. Rakan Muda, Program Khidmat Negara, program pembangunan sukan, aktiviti kesukarelawanan dan kegiatan pasukan

berpakaian seragam mengisi kehidupan dan daya tariknya. Malah, minat remaja terhadap sukan ekstrem dan lasak juga mendapat bimbingan dengan cara hidup sihat. Itulah bukti sejarah yang tidak terpadam.

Penghujung hidup mereka yang terbimbing itu membolehkan mereka menjadi generasi dewasa yang berfikir dan prihatin terhadap kepentingan bersama.

Malah, apabila Penasihat Keselamatan Amerika Syarikat, Condolezza Rice, memberitahu dunia negaranya tidak menemui sebarang bukti kukuh Iraq memindahkan senjata, rakyat Malaysia dapat melihat golongan yang mempengaruhi negara itu sudah bersedia menolak jatuh Presiden George W Bush.

Reputasi presiden itu sudah jatuh dan bakal digantikan dengan calon baru yang akan terus melaksanakan dasar luar Amerika yang sama - memberi peruntukan dan membela Israel, membiarkan kezaliman di Palestin, menceroboh dan mengebom sasaran penjajahnya.

Dulu Rice (keturunan Yahudi berkulit gelap) sentiasa membela Bush dalam kenyataan umumnya, kini agenda baru dilaksana. Demikianlah nasib sesiapa saja yang menjadi presiden negara itu, baik bapa Bush, Bill Clinton mahupun Ronald Reagan. Kumpulan pelabur dan peniaga yang membiayai kemenangan mereka menentukan masa depan presidennya.

Tun Dr Mahathir Mohamad diserang pelbagai penjurong sebaik saja beliau menjelaskan kepada dunia bahawa Yahudi menggunakan proksi untuk menjajah dunia. Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober tahun lalu secara terbuka menerima bukti sejarah mengenainya yang dibentangkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Seluruh dunia kini menyaksikan penjajahan dilakukan secara terancang dari semasa ke semasa oleh golongan itu menerusi hubungan intim, persefahaman pendapat, penguasaan ekonomi dan pencerobohan negara sasaran mereka.

Justeru, golongan muda dan dewasa di negara tidaklah tertanya-tanya apabila Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengata dan mengumpamakan orang Islam lain sebagai Yahudi. Sebaliknya, ramai yang melihat taktik beliau mengalihkan pandangan dan fokus rakyat Malaysia dengan persoalan siapa pula Nik Aziz sebenarnya.

Seperti janji Allah yang Maha Bijaksana, setiap kali manusia merenung masalah dan memikirkan jalan keluarnya, petunjuk menyelesaikan gejala sosial atau kemunduran dapat ditemui.